

Headline	Sukarelawan Kelab TaHa bantu penduduk		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	327 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,272
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,816



## Sukarelawan Kelab TaHa bantu penduduk

**Kota Bharu:** Seramai 60 penuntut membabitkan empat institusi pengajian tinggi (IPT) di Kelantan 'bermandi peluh' membersihkan surau dan persekitaran Kampung Sireh Bawah Lembah, di sini.

Mereka adalah sukarelawan Kelab TaHa (Tabung Haji) dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) dan Politeknik Kota Bharu (PKB).

Pengurus Besar (Khidmat Pelanggan) Tabung Haji (TH), Mohammad Saimi Mat Som, berkata menerusi program TaHa@U Pasca Banjir itu, sukarelawan diberi peluang untuk mendekati masyarakat terutama mangsa yang terbahit dengan

banjir untuk menyelami sendiri pengalaman mereka.

"Sepanjang sehari program berkenaan, pelajar membersihkan surau termasuk mengecat semula dinding, mencuci longkang dan membina semula laluan bersimen.

"TH turut membuka kaunter bergerak untuk kemudahan penduduk kampung mengemaskini akaun mereka, membuat akaun baru dan perkhidmatan lain," katanya.

### Pemeriksaan kesihatan

Semasa program itu, pelajar Kolej PTPL menyediakan kaunter pemeriksaan kesihatan percuma kepada penduduk di kawasan berkenaan.

Pelajar Kolej PTPL, Mohamad



**Sukarelawan TaHa@U Pasca Banjir** anjuran Kelab TaHa gembira selepas mengecat semula surau Kampung Sireh Bawah Lembah, Kota Bharu.

Sazrul Iqbal Rozlan, 22, berkata, dia gembira dapat menyertai program TaHa@U Pasca Banjir kerana ingin menyelami sendiri pengalaman masyarakat di kawasan yang menerima kesan banjir paling teruk.

Beliau yang juga Ketua Kelab Love & Care berkata, dia teruja

untuk memberikan sumbangan dalam bentuk tenaga kerana dengan cara itu dia menunjukkan tanda prihatin belia.

"Sebetulnya saya turut terkesan dengan banjir pada hujung tahun lalu kerana turut menjadi mangsa dan disebabkan itu rasa ingin membantu sangat menebal.

"Sumbangan yang tidak seberapa daripada kami ini diharap dapat memberi keselesaan kepada penduduk kampung ini untuk menggunakan semula surau mereka," katanya yang berasal dari Damansara, Kuala Lumpur.